

TATAURUSAN DANA PENGGERAK INDUSTRI BUKU NEGARA (PIBN)



1. PENGENALAN



Taklimat ini bertujuan untuk menjelaskan latar belakang Dana PIBN dan sebagai panduan kepada penerbit untuk mengemukakan permohonan.

2. MATLAMAT DANA

Dana Penerbitan PIBN adalah bertujuan untuk:

- 2.1. Meningkatkan jumlah penerbitan buku umum judul baharu (bukan fiksyen) karya asli berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang dan untuk pelbagai peringkat pembaca.
- 2.2. Menyumbang terhadap pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dalam industri penerbitan buku.



Sambungan

- 2.3. Memainkan peranan yang aktif dalam pelaksanaan Dasar Buku Negara untuk memastikan kegiatan pembangunan buku dijadikan salah satu perusahaan utama iaitu perusahaan budaya yang penting.
- 2.4. Membangunkan sumber manusia dalam industri perbukuan.



3. PEMOHON YANG LAYAK

Penerbit bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010100 (bahan bacaan) dan Bahagian Kewangan dan Bekalan DBP.



4. KATEGORI PEMOHON

a) Penerbit Lengkap

- ✿ Editorial
- ✿ Pracetak
- ✿ Percetakan

b) Penerbit Separa Lengkap:

- ✿ Editorial
- ✿ Pracetak

c) Penerbit Baharu:

- ✿ Editorial



5. CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh didapati:

- ❁ Dari pejabat DBP berhampiran
- ❁ Muat turun dari laman web
www.dbp.gov.my
- ❁ Menghubungi Urus Setia PIBN

6. URUS SETIA

Bahagian Pembangunan dan
Penyelarasan Penerbitan,
Jabatan Penerbitan, Aras 11,
Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.



7. KATEGORI PENERBITAN

Bidang penerbitan yang diberikan tumpuan ialah buku umum karya asli berbahasa Melayu seperti yang berikut:

- 7.1. Buku ilmiah.
- 7.2. Biografi/autobiografi/memoir.
- 7.3. Buku umum bukan fiksi (bidang kritikal seperti bidang sains dan teknologi).



Sambungan

- 7.4. Buku umum bukan fiksi (bidang umum seperti bidang sains sosial).
- 7.5. Buku pengetahuan remaja.
- 7.6. Buku pengetahuan kanak-kanak.
- 7.7. Judul lain yang ditentukan oleh DBP.



8. SPESIFIKASI BUKU

BIL	JENIS	TEBAL MINIMUM MSS. (HLM.)	TEKS: ILUSTRASI
1.	Buku ilmiah	250	Teks padat/ berilustrasi
2.	Biografi/autobiografi/memoir	300	70:30*
3.	Buku umum bukan fiksi (bidang sains dan teknologi)	300	Teks padat/ Berilustrasi
4.	Buku umum bukan fiksi (bidang sains sosial)	300	70:30
5.	Buku pengetahuan remaja	150	70:30
6.	Buku pengetahuan kanak- kanak	32	70:30
7.	Judul lain yang ditentukan oleh DBP	Mengikut pertimbangan DBP	Mengikut pertimbangan DBP

* Berdasarkan kesesuaian

9. AMAUN PEMBIAYAAN

BIL.	JENIS	AMAUN* (RM)
1.	Buku ilmiah	30,000.00
2.	Biografi/autobiografi/memoir	20,000.00
3.	Buku umum bukan fiksi (bidang sains dan teknologi)	20,000.00
4.	Buku umum bukan fiksi (bidang sains sosial)	15,000.00
5.	Buku pengetahuan remaja	7,000.00
6.	Buku pengetahuan kanak-kanak	5,000.00
7.	Judul lain yang ditentukan oleh DBP	Mengikut pertimbangan DBP

* Amaun pembiayaan yang tertera di atas adalah amaun pembiayaan maksimum. JKPIBN berhak menentukan jumlah pembiayaan yang diluluskan kepada penerbit.

10. PERINGKAT PEMBIAYAAN

BIL.	PERINGKAT	PERATUS (%)
1.	Kelulusan kertas cadangan dan manuskrip lengkap oleh JKPIBN dan menandatangani perjanjian	20
2.	Manuskrip bersih diserahkan kepada urus setia PIBN oleh penerbit	30
3.	Buku terbit	50
	JUMLAH	100

11. TATACARA KERJA

Bagi memantapkan pengurusan dan penyaluran dana, berikut adalah tatacara kerja pelaksanaan projek PIBN:

- 11.1. Membuka permohonan melalui iklan kepada penerbit yang ingin menyertai program ini dengan menggunakan borang permohonan DBP.
- 11.2. Mendaftarkan dan membuat pra kelayakan penerbit.



Sambungan

- 11.3. Penerbit mengemukakan kertas cadangan, manuskrip lengkap dan borang laporan cadangan judul kepada Urus Setia PIBN. Dapatkan surat kelulusan JAKIM bagi manuskrip yang berkaitan agama.
- 11.4. Kertas cadangan dan manuskrip lengkap penerbit akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian dan selanjutnya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk PIBN untuk kelulusan.



sambungan

- 11.5. Penerbit akan menandatangani perjanjian dengan DBP mengikut kategori dan jumlah pembiayaan yang diluluskan.
- 11.6. Bayaran 20% akan dibuat selepas perjanjian ditandatangani.



Sambungan

- 11.7. Penerbit akan menyerahkan manuskrip bersih untuk pengesahan Urus Setia.
- 11.8. Bayaran 30% akan dibuat selepas manuskrip bersih disahkan.



Sambungan

- 11.9. Penerbit memulakan proses menerbitkan buku.
- 11.10. Setelah buku terbit, penerbit hendaklah menyerahkan 10 naskhah buku kepada Urus Setia PIBN.
- 11.11. Bayaran 50% akan dibuat setelah buku terbit.



12. TANGGUNGJAWAB PENERBIT

- 12.1. Memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian.
- 12.2. Melakukan perbaikan berdasarkan komen dan cadangan oleh Jawatankuasa Induk PIBN dan menyerahkannya dalam tempoh yang ditetapkan.
- 12.3. Menyediakan manuskrip yang lengkap dan bersih untuk diserahkan kepada urus setia PIBN.
- 12.4. Menyerahkan 10 naskhah buku terbit kepada Urus Setia.



SOALAN LAZIM

1. **Bilakah tarikh tutup permohonan dana PIBN ini?**

Tidak ada tarikh tutup. Permohonan dibuka sepanjang masa sehingga dimaklumkan kelak.

JKPIBN akan bersidang dari semasa ke semasa untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan penerbit.



2. Adakah terdapat had permohonan kepada penerbit untuk memohon dana?

Tiada had permohonan tetapi bagi penerbit yang telah menerima pembiayaan maksimum RM300,000.00 tidak akan dipertimbangkan lagi **KECUALI** bagi buku ilmiah dan buku umum (sains dan teknologi).



■ 3. **Adakah dana perlu dibayar semula kepada DBP?**

Tidak. Dana yang disalurkan kepada penerbit tidak perlu dibayar semula kepada DBP.

4. Adakah dana PIBN membiayai keseluruhan kos penerbitan?

Tidak. Dana PIBN yang diluluskan hanya membantu penerbit dalam mengurangkan tanggungan kos penerbit merangkumi kos penyelidikan, penulisan, penilaian, penyuntingan dan penyediaan ilustrasi sehingga manuskrip bersih, tidak termasuk kos percetakan dan pemasaran.

5. Bagaimana dengan produk akhir/ hasil penerbit?

Dana hanya membiayai $\frac{1}{4}$ daripada kos penerbitan sesebuah judul.

Penerbit akan menanggung kos-kos lain seperti atur huruf, reka letak, percetakan, pemasaran dan pengedaran buku.

6. Apakah judul yang sesuai untuk diterbitkan?

DBP memberi kebebasan kepada penerbit untuk memilih judul mengikut kategori tetapi JKPIBN berhak untuk mencadangkan judul yang lebih sesuai.

7. Apakah bidang yang sesuai untuk diterbitkan?

Penerbit boleh memilih bidang mengikut kategori dan spesifikasi yang ditetapkan.

8. Mengapakah manuskrip ditolak?

- ✓ Himpunan kertas kerja.
- ✓ Tesis yang masih belum diolah.
- ✓ Himpunan puisi atau cerita.
- ✓ Banyak buku yang sama dalam pasaran.
- ✓ Karya terjemahan.

9. Hubungan penerbit dengan DBP?

DBP tidak akan bertanggungjawab membantu pemasaran atau pengedaran buku penerbit. Semua hasil keuntungan/jualan adalah hak penerbit.

10. Hubungan penulis dengan penerbit?

Penerbit bertanggungjawab membayar atau membuat perjanjian dengan penulis sama ada bayaran melalui royalti atau honorarium. Hak penerbitan penulis juga ditanggung oleh penerbit.

11. Hak Cipta

Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987. Hak Cipta adalah hak penulis atau tertakluk kepada persetujuan antara penulis dengan penerbit.

12. Apakah syarat-syarat perjanjian?

Terma dan syarat ada terkandung dalam perjanjian. DBP berhak membatalkan perjanjian sekiranya penerbit gagal memenuhi syarat yang terkandung dalam perjanjian.



Sekian. Terima kasih.

Semarak Industri Buku Negara